



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**UCAPAN TAKZIAH DARIPADA BADAN KEHAKIMAN MALAYSIA DI ATAS
PEMERGIAN DATUK SERI GOPAL SRI RAM, MANTAN HAKIM
MAHKAMAH PERSEKUTUAN**

YAA Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara mewakili Badan Kehakiman dan seluruh warga kerjanya mengucapkan takziah kepada seluruh keluarga Datuk Seri Gopal Sri Ram, mantan Hakim Mahkamah Persekutuan di atas pemergian mendiang pada hari ahad, 29 Januari 2023.

Pemergian mendiang merupakan kehilangan yang amat besar kepada Badan Kehakiman Malaysia dan juga keseluruhan *legal fraternity* di Malaysia. Mendiang telah banyak berjasa kepada Badan Kehakiman Malaysia sepanjang tempoh perkhidmatan mendiang sebagai Hakim di Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Persekutuan. Mendiang merupakan Hakim Mahkamah Rayuan selama 15 tahun bermula dari penubuhan Mahkamah Rayuan pada tahun 1994 sehingga mendiang dilantik menjadi Hakim Mahkamah Persekutuan pada tahun 2009. Sesungguhnya pemergian mendiang merupakan satu kehilangan yang amat dirasai oleh seluruh warga Kehakiman khasnya dan negara amnya.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Tarikh: 29 Januari 2023